



PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO SEMPENA KONVENSYEN MASJID NUSANTARA 2024

A. MAKLUMAT PERTANDINGAN

1. Pertandingan mencipta logo Sempena Konvensyen Masjid Nusantara 2024
2. Tempoh pertandingan adalah bermula dari 12 Mei hingga 23 Mei 2024.

B. TERMA DAN SYARAT PERTANDINGAN

1. Pertandingan ini **TERBUKA** kepada semua rakyat Malaysia **KECUALI** warga kerja MAIK.
2. Penyertaan adalah **PERCUMA**.
3. Peserta boleh menghantar lebih daripada satu penyertaan. Walau bagaimanapun, hanya satu logo akan dipilih sebagai pemenang.
4. Semua ciptaan mestilah baharu, asli dan tidak diciplak daripada mana-mana logo tempatan atau luar negara.
5. Reka bentuk logo tidak boleh mengandungi unsur-unsur yang menyentuh sensitiviti dan sentimen perkauman, keagamaan dan politik.
6. Kos untuk menyertai pertandingan ini adalah ditanggung sepenuhnya oleh peserta.
7. Peserta perlu menghantar ciptaan logo tersebut ke Google Form yang disediakan oleh urus setia.
8. Penyertaan akan **terbatal** sekiranya didapati hasil ciptaan yang dikemukakan **tidak asli atau diciplak**.
9. Sebarang pelanggaran syarat-syarat di atas akan membatalkan penyertaan.

C. SPESIFIKASI CIPTAAN LOGO

1. Reka bentuk logo hendaklah menggunakan grafik komputer dengan perisian Adobe Illustrator atau Adobe Photoshop, saiz 1080 x 1080 Pixel, mod warna RGB, dalam resolusi tinggi (300 dpi/ppi)
2. Reka bentuk logo hendaklah dihantar dalam dua (2) format berikut:
 - 3.1 *Softcopy* format Adobe Illustrator (AI / EPS) atau Adobe Photoshop (PSD)
 - 3.2 *Softcopy* format JPEG / PNG
3. Warna yang digunakan hendaklah bersesuaian dan boleh menggunakan *solid fill* atau *gradient*.
4. Reka bentuk logo hendaklah mempunyai **elemen masjid, digital dan kontemporari**.
5. Reka bentuk logo boleh terdiri daripada simbol atau imej dan perkataan "**Konvensyen Masjid Nusantara 2024**".
6. Logo hendaklah disertakan keterangan ke atas reka bentuk logo, simbol serta warna yang digunakan.
7. Peserta perlu *create outline* pada *font* yang digunakan dan perlu mengisi jenis *font* yang digunakan pada borang penyertaan.

D. TUNTUTAN HAK CIPTA

1. MAIK berhak sepenuhnya ke atas rekaan logo yang dihasilkan dan berhak menggunakan logo penyertaan untuk tujuan promosi dan lain-lain tujuan.
2. MAIK juga berhak untuk membuat sebarang pindaan atau pengubahsuaian ke atas reka bentuk (*artwork*) dan sebarang tuntutan tidak akan dilayan.

E. TEMPOH PERTANDINGAN

1. Pertandingan bermula **12 Mei 2024**.
2. Tarikh tutup pertandingan adalah pada **23 Mei 2024 (11.59 malam)**.

3. Peserta dikehendaki menghantar rekaan logo dan borang penyertaan yang lengkap melalui pautan yang telah disediakan.
4. Pihak penganjur berhak menolak penyertaan yang tidak lengkap dan lewat dari tarikh tutup.

F. KEPUTUSAN PERTANDINGAN

1. Setiap rekaan akan dinilai keaslian, elemen yang digunakan, konsep dan kreativiti serta kualiti rekaan oleh panel juri yang dilantik oleh pihak penganjur.
2. Keputusan panel juri adalah muktamad. Sebarang rayuan dan bantahan tidak akan dipertimbangkan.
3. Pemenang akan dihubungi melalui telefon dan emel. Pengumuman nama pemenang akan dipaparkan melalui Facebook dan Instagram Rasmi MAIK.

G. HADIAH PERTANDINGAN

1. Hanya seorang (1) pemenang akan dipilih. Hadiah pertandingan adalah dalam bentuk wang tunai :

Hadiah Utama : RM 1,000

Nota : Hadiah kepada pemenang akan diserahkan melalui akaun bank yang dinyatakan secara EFT.

Pertanyaan / Keterangan Lanjut,

Unit Teknologi Maklumat

Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan

No Tel : 09-7481512 ext 224

Emel : maik@e-maik.my

**BORANG PENYERTAAN PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO
SEMPENA KONVENSYEN MASJID NUSANTARA 2024**

Nama Penuh Peserta :

No. Kad Pengenalan :

Alamat :

No. Telefon :

Emel :

No. Akaun Bank :

Keterangan ke atas reka bentuk logo, simbol, warna serta jenis font yang digunakan (Tidak melebihi 50 patah perkataan)

Perakuan :

Dengan ini, saya mengesahkan bahawa reka bentuk logo bagi penyertaan ini adalah hasil reka bentuk asal saya. Saya juga bersetuju dengan syarat-syarat pertandingan ini.

Tandatangan :

Tarikh :

Borang penyertaan dan *artwork* logo bagi pertandingan mencipta logo sempena Konvensyen Masjid Nusantara 2024 pada pautan di bawah atau imbas pada QR Code

<https://forms.gle/f7HWzmcW1X2VmQ4R8>

